



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SEMAKAN KEPERLUAN PEMAKAIAN PELITUP MUKA DI DALAM KAPAL TERBANG

Pada 7 September 2022, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengumumkan kelonggaran terhadap keperluan pemakaian pelitup muka di dalam bangunan (indoor) dan memutuskan bahawa pemakaian pelitup muka di dalam bangunan (*indoor*) adalah atas **pilihan (*optional*)**.

Berdasarkan penilaian situasi semasa COVID-19 serta mengambil kira keperluan terkini, KKM ingin mengumumkan bahawa pemakaian pelitup muka **TIDAK LAGI DIWAJIBKAN** ketika menaiki kapal terbang. Protokol baharu ini akan **MULA BERKUAT KUASA SERTA MERTA PADA HARI INI, 28 SEPTEMBER 2022**.

KKM bagaimanapun **AMAT MENGGALAKKAN** agar pemakaian pelitup muka terus diamalkan bagi kumpulan individu yang berikut:

1. Individu bergejala seperti demam, batuk dan selsema;
2. Individu berisiko tinggi seperti warga tua, orang dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah dan ibu mengandung; dan
3. Individu yang mengembara bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak.

Keputusan yang dibuat ini adalah menggunakan pendekatan berasaskan risiko dan telah mengambil kira penambahbaikan dalam teknologi kapal terbang dan beban kes COVID-19 di Malaysia yang lebih terkawal ketika ini:

1. Pengudaraan yang baik dalam kabin
2. Penggunaan penapis *high-efficiency particulate absorbing* (HEPA) untuk mengeluarkan bahan cemar bawaan udara

3. Susunan tempat duduk ke hadapan
4. Kekerapan penjadualan disinfeksi kapal terbang.

Selain itu, kelonggaran ini juga adalah selaras dengan syor kesihatan daripada negara-negara seperti Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan Singapura. Keperluan pemakaian pelitup muka di dalam kapal terbang bagaimanapun masih tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh negara yang dikunjungi.

KHAIRY JAMALUDDIN

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

28 September 2022